

12 OCT 2002

Mahathir-ISA/I

MALAYSIA AKAN KEKALKAN ISA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Malaysia akan mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi memelihara kestabilannya.

"Bagi kita, ISA akan terus dikekalkan dan kita tidak malu mengenainya," katanya semasa menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya pada majlis dialog dan jamuan tengah hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Berakas di sini yang dihadiri masyarakat Malaysia di Brunei.

Dr Mahathir yang melakukan lawatan kerja selama dua hari ke sini berkata: "ISA diwujudkan kerana ada sesetengah orang yang suka memainkan sentimen perkauman dan merosakkan kestabilan negara.

"Kita dapati kumpulan militan seperti Al-Maunah telah merancang untuk mengebom tempat-tempat tertentu. Kita terpaksa menahan mereka kerana jika tidak, mereka akan melakukan banyak kerosakan."

Menjawab kritikan yang dilemparkan terhadap sistem kehakiman Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Barat mahukan semua perkara dilakukan mengikut arahan mereka, dan jika mereka dapati keputusan mahkamah tidak memenuhi apa yang mereka harapkan, maka mahkamah itu dikatakan tidak baik."

Dengan mengambil kes Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai contoh, Dr Mahathir berkata sebenarnya kerajaan boleh menahan beliau mengikut ISA sekiranya kerajaan mahu. "Apabila anda menahan seseorang mengikut ISA, orang akan bersungut yang dia tidak berpeluang melalui proses undang-undang yang sewajarnya."

Beliau berkata Anwar telah dibicarakan di mahkamah dan "belum pernah ada perbicaraan yang sepanjang itu yang melibatkan sembilan peguam bela. Dia telah dibela oleh para peguam paling handal."

"Ia mengambil masa yang panjang...semuanya didengar dan malah perkara-perkara yang tidak relevan juga telah diseret ke mahkamah. Mahkamah membuat keputusan dan mendapatinya bersalah...dan sejurus itu juga mahkamah dikatakan telah dimanipulasi oleh kerajaan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata oleh kerana keputusan yang dibuat oleh mahkamah tidak memenuhi selera mereka (Barat), "maka ia tidak baik. Kita tidak boleh guna kriteria itu. Mahkamah adalah bebas."

Mengenai kritikan kononnya kerajaan menggunakan ISA untuk menahan para pemimpin parti pembangkang dan tidak menggunakannya terhadap mereka yang memihak kepada parti pemerintah, Dr Mahathir berkata: "Cuba lihat berapa ramai anggota parti pemerintah sendiri yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah sebelum ini. Antaranya ialah Datuk Harun Idris dan Datuk Mokhtar Hashim, malah beberapa ketua menteri juga telah dibicarakan oleh mahkamah yang kemudiannya mensabitkan kesalahan mereka."

"Perkara ini ditentukan oleh mahkamah. Barat mahu orang yang mereka anggap tidak bersalah, mahkamah mesti membuat keputusan dia tidak bersalah. Mereka tidak mempunyai fakta. Kita mengemukakan fakta di hadapan hakim.

"Malah dalam kes kedua (Anwar), ia merupakan perbicaraan penuh dengan begitu ramai peguam bela yang terlibat dan begitu banyak pula lakonan oleh Datuk Seri Anwar. Proses yang sewajarnya telah diikuti dengan penuh hemat.

"Saya tidak bimbang dengan apa yang difikirkan oleh Barat. Mereka tidak suka kepada kita...mereka berkata yang bukan-bukan kepada kita. Malah mereka pernah berkata sayalah diktator pertama yang dipilih di dunia. Ini bererti saya telah dipilih berulang kali," kata Dr Mahathir.

Mengenai dakwaan bahawa ISA bersifat tidak adil, beliau berkata Amerika Syarikat sendiri kini menahan orang yang mereka syaki sebagai pengganas

tanpa menggunakan sebarang undang-undang.

"Ramai daripada mereka ini lenyap begitu sahaja dan keluarga mereka tidak tahu di mana mereka berada. Oleh kerana mereka ini orang Islam dan mereka menjadi suspek, maka mereka ditahan oleh Amerika. Mereka (Amerika) menahan orang ini tanpa menggunakan sebarang undang-undang.

"Di Malaysia, ISA digunakan untuk menahan mereka yang merancang untuk menggugat keamanan serta kestabilan negara dan kerajaan tidak menahan mereka yang menentanginya secara politik," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam temu bual dengan CNN baru-baru ini, beliau telah dituduh menahan semua musuh politiknya.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata, "sebenarnya musuh politik beliau terdiri daripada mereka yang terdapat dalam parti pimpinannya (Umno) iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Tan Sri Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Kadir Sheikh Fadzir" dan ini telah disambut dengan ketawa oleh para hadirin.

"Jadi bagaimana mereka (Barat) boleh mengatakan yang saya menahan musuh politik saya mengikut ISA," tanya Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SS HK SP MOZ